

# 60 peserta kayuhan berbasikal berkunjung ke UMP Kampus Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan seramai 60 pelajar daripada SMK Tengku Abdullah Pekan dan warga kerja Perpustakaan Awam Daerah (PAD) Pekan yang hadir dengan berbasikal yang berkayuh sejauh 20 km dari PAD Pekan menuju ke UMP Kampus Pekan pada 30 Mac 2015 yang lalu.

Hadir menyambut ketibaan rombongan adalah Ketua Pustakawan UMP, Haji Ruslan Che Pee bersama staf Perpustakaan UMP.

Ketua PAD Pekan, Rohaida Zainudin berkata, program ini dapat memberikan peluang kepada anggota masyarakat terutamanya belia untuk turut serta dalam program penganjuran pihak Perpustakaan Awam.

"Program kayuhan ini adalah merupakan satu usaha untuk memperluaskan fungsi perpustakaan sebagai institusi masyarakat yang utama selain mendekatkan belia dengan perpustakaan yang bukan sahaja datang untuk meminjam buku," katanya.

Menurut Rohaida, pihak PAD Pekan akan terus menjalankan program melibatkan generasi muda di samping itu, ia menjadikan riadah berbasikal sebagai salah satu aktiviti ibadah dalam menjaga kesihatan supaya setiap individu akan sentiasa sihat dan segar.

Pihaknya menghargai kerjasama pihak UMP yang sedia bekerjasama dalam menjayakan program selain mendapat sokongan daripada pihak Polis Diraja Malaysia daerah Pekan, Majlis Daerah Pekan dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi Haji Ruslan, pihaknya berbesar hati menerima kunjungan daripada pihak PAD Pekan dan menyokong usaha sebegini dalam mendidik anak-anak muda untuk mengenali fungsi dan peranan perpustakaan.

"Bersempena dengan program ini, peserta berpeluang mendengar taklimat kemasukan, melawat perpustakaan dan sekitar kampus serta lebih menarik diadakan pertandingan mencari buku yang dianjurkan pihak Perpustakaan UMP," ujar beliau.

Sementara itu, seorang peserta dari SMK Tengku Abdullah yang turut menang dalam pertandingan mencari buku, Abdullah Jaffri, berkata beliau rasa sangat gembira dan teruja untuk berkayuh walaupun terpaksa berdepan dengan halangan hujan lebat sewaktu peringkat awal kayuhan.

Begitu juga dengan rakannya, Muhd Javad Hussain Ab Halim,17 dari Ketapang Tengah berpendapat program ini bukan sahaja sebagai amalan gaya hidup sihat namun memberikannya pengalaman berkayuh dengan jarak yang jauh serta dalam kumpulan yang besar apatah lagi menuju ke kampus universiti.

Program diserikan dengan kehadiran Penghulu Mukim Kuala Pahang, Hasan Muhammad Syukur dalam majlis penutup program yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan.



